

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Hanya lima peratus hospital, klinik awam cukup tenaga kerja

Hampir separuh responden menyatakan kekurangan disebabkan doktor berhenti, dipindah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hanya lima peratus hospital dan klinik kesihatan awam di negara ini mempunyai tenaga kerja mencukupi.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Azizan Abdul Aziz, berkata dapatan itu diperoleh hasil tinjauan pendapat 117 responden merangkumi pekerja penjagaan kesihatan awam di seluruh negara yang dilakukan Bahagian Pelatih, Pegawai

Perubatan dan Pakar Perubatan (SCHOMOS).

Katanya, tinjauan dalam talian menerusi Borang Google sejak April lalu bertujuan mendapatkan gambaran ringkas status semasa pengagihan tenaga kerja di kemudahan penjagaan kesihatan awam negara.

"Tinjauan mendapati hampir separuh daripada responden menyatakan kekurangan disebabkan tenaga kerja membatalkan doktor berhenti atau dipindahkan.

"Hanya enam responden (lima peratus) memaklumkan fasiliti kesihatan tempat mereka bertugas mempunyai tenaga kerja mencukupi, manakala 36 responden (32 peratus) menyatakan fasiliti kesihatan mereka memerlukan peningkatan sehingga 50 peratus tenaga kerja.

"Seramai 51 responden (46 peratus) menyatakan fasiliti kesihatan memerlukan peningkatan sehingga 100 peratus, dengan 18 responden (16 peratus) menyatakan fasiliti kesihatan memerlukan



Gabungan pelbagai faktor menyebabkan penjagaan kesihatan awam berdepan isu memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat. (Foto hiasan)

kan lebih daripada dua kali ganda bilangan doktor semasa untuk menyediakan perkhidmatan mencukupi.

"Hampir separuh (48.3 peratus) daripada 117 responden menyatakan faktor menyebabkan kekurangan tenaga kerja itu disebabkan doktor berhenti/berpindah, den-

gan 34 responden (28.8 peratus) menyatakan doktor berhenti dan hanya 16 responden (13.6 peratus) atas faktor doktor berpindah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Faktor 'brain drain'

Dr Azizan berkata, MMA percaya satu daripada faktor utama keku-

rangan tenaga kerja, terutama doktor adalah 'brain drain'.

Katanya, berlaku peningkatan mendadak doktor yang meletak jawatan dan berhenti serta tidak menerima jawatan tetap.

Beliau berkata, MMA mencadangkan Kementerian Kesihatan (KKM) telus dalam mendedahkan data terkini tenaga kerja kesihatan awam negara rakyat bagi membolehkan kekurangan itu diatasi.

Sehubungan itu, Dr Azizan meminta kerajaan mengambil serius isu dibangkitkan sebelum sistem penjagaan kesihatan awam negara semakin meruncing dan terjejas.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF) dan KKM perlu bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan.

"Dalam jangka panjang, kita memerlukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang boleh menguruskan sistem penjagaan kesihatan secara berasingan daripada trinitis KKM-JPA-MOF ketika ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Kes denggi Kelantan meningkat 31.9%

Bachok: Kes demam denggi di negeri ini setakat 11 Mei lalu, meningkat 31.9 peratus menjadi 873 kes, kata Pengarah Kesihatan negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin.

Menurutnya, peningkatan itu berbanding 662 kes bagi tempoh sama pada 2023 dengan jumlah kematian kekal satu yang direkod pada Februari lalu babitkan pesakit lelaki dewasa.

"Kejadian wabak denggi dilapor sehingga 11 Mei 2024 adalah 49, dengan 39 wabak sudah tamat manakala 10 lagi masih aktif,"



Peningkatan itu berbanding 662 kes bagi tempoh sama pada 2023 dengan jumlah kematian kekal satu yang direkod pada Februari lalu membabitkan pesakit lelaki dewasa"

Dr Zaini


katanya pada sidang media selepas perasmian Program Penanaman Pokok Bakau di Pantai Melawi yang juga inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Radicare (M) Sdn

Bhd sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, pihaknya menjangkakan peningkatan kes akan berlaku menjelang cuti Aidiladha dengan penganjuran banyak majlis dan kenduri serta kemasyarakatan perantau.

Beliau meminta semua Pejabat Kesihatan Daerah untuk melakukan aktiviti pencegahan denggi bersama penduduk terutama di mukim yang berisiko bagi mengelak peningkatan mendadak kes.

Katanya, turut dipantau menerusi operasi pemusnahan tempat pembiakan Aedes adalah kawasan tumpuan seperti pasar, masjid, surau, tempat rekreasi dan tanah lapang berisiko.



PEJABAT Kesihatan Daerah diminta untuk melakukan aktiviti pencegahan denggi bersama penduduk bagi mengelak peningkatan mendadak kes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Demam denggi mungkin melonjak selepas Aidiladha

BACHOK – Semua pejabat kesihatan daerah di Kelantan diarahkan melakukan aktiviti pencegahan ekoran berlaku peningkatan kes demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Zaini Hussin berkata, kes denggi di Kelantan meningkat sebanyak 31.9 peratus bersamaan 873 sejak Januari lalu berbanding 662 dalam tempoh sama tahun lepas.

"Kita tidak mahu berlaku kenaikan selepas Aidiladha seperti yang berlaku ketika Aidilfitri lalu. Tumpuan lokasi pembiakan aedes dilakukan di pasar, mas-



ZAINI (empat dari kiri) semasa menyertai Program Penanaman Pokok Bakau di Pantai Melawi, Bachok semalam.

jid, surau, tempat rekreasi, tanah lapang, kedai dan kawasan hot spots sebelum ini.

"Meskipun kes naik, jumlah wabak menurun sebanyak 42.3 peratus berbanding sebelum pandemik dengan 1,526 kes," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Penanaman Pokok Bakau di Pantai Melawi di sini semalam.

Menurut Zaini, jumlah tersebut turut melibatkan kes lelaki Indonesia berusia 20-an yang meninggal dunia akibat denggi baru-baru ini.

Tambahnya, sebanyak 39 daripada 49 wabak telah tamat manakala selebihnya masih aktif.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

Program bersama canggah objektif UiTM

Oleh **JUANI MUNIR**
ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Cadangan supaya Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengadakan program bersama universiti lain bagi menyelesaikan program Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran atau 'Parallel Pathway' bercanggah dengan objektif dan kedudukannya kepada bumiputera.

Presiden Kesatuan Kakitangan Umum UiTM, Zulkifli Mohamed berkata, langkah itu seolah-olah membuka ruang kepada kaum bukan bumiputera untuk memasuki UiTM sekali gus melanggar garis sempadan undang-undang di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, meskipun berbentuk kerjasama dengan universiti awam lain, namun ia membuka sedikit ruang untuk bukan bumiputera

"UiTM diwujudkan untuk membantu aspek pendidikan anak-anak Melayu dan bumiputera. Maka ia menunjukkan matlamat penubuhan UiTM perlu dikekalkan dan tidak wajar diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.

"Mengapa pilih UiTM untuk melakukan kerjasama program ini dan bukan dengan universiti lain? Ini menunjukkan ada pihak mahu melanggar segala termaktub dalam Perlembagaan walaupun dikatakan untuk meningkatkan bilangan doktor pakar," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Program bersama canggah objektif UiTM

Dari muka 1

Kelmarin, bekas Pengerusi UiTM, Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Ibrahim Shah Abu Shah mencadangkan agar UiTM membentuk kerjasama dengan Universiti Malaya (UM) bagi menyelesaikan isu tujuh pengamal perubatan yang didakwa 'terkandas' selepas program parallel pathway kardiotorasik mereka tidak diiktiraf.

Kerjasama tersebut melibatkan proses pembelajaran sedia ada selain menyediakan persiapan menubuhkan program kepakaran pembedahan kardiotorasik IJN di UM dan mendapat kelulusan daripada badan pengiktirafan dalam negara termasuk Kementerian Pendidikan

Tinggi.

Ini kerana, program sedia ada, Program Pascasiswazah Pembedahan Kardiotorasik UiTM-IJN mempunyai tenaga pakar membabitkan tiga pengajar berstatus profesor penuh dan dua profesor madya selain 11 profesor ad-jung dari IJN dan seorang profesor pelawat antarabangsa dari Monash University, Melbourne dalam bidang tersebut.

Kaedah itu dicadang sebagai penyelesaian awal bagi membantu pengamal perubatan itu mendapat pengiktirafan dengan menjalani latihan kepakaran dan memenuhi keperluan pakar perubatan kardiotorasik di negara ini.

Mengulas lanjut, Zulkifli tidak menafikan negara memerlukan lebih ramai pakar perubatan

khususnya bidang kardiotorasik, namun beliau menjelaskan usaha itu tidak hanya tertumpu kepada UiTM semata-mata.

Katanya, terdapat banyak lagi universiti awam yang perlu dilihat untuk menjalinkan kerjasama bagi merintis usaha bagi melahirkan lebih ramai doktor pakar.

"Untuk apa kita fokus UiTM sahaja? Walaupun dinamakan kerjasama namun kita sedikit sebanyak membenarkan kaum bukan bumiputera masuk ke universiti ini.

"Tujuan UiTM diwujudkan untuk meningkatkan penyer-taan masyarakat bumiputera dalam bidang pendidikan tinggi dan profesional serta ia harus dikekalkan seperti mana objektif," katanya.



Tujuan UiTM diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat bumiputera dalam bidang pendidikan tinggi dan profesional serta ia harus dikekalkan seperti mana objektif."

ZULKIFLI MOHAMED

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Smoking ban violators harming health of others

➤ Cigarette fumes expelled by individuals contain 7,000 chemicals, with 69 known to cause cancer: Expert

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Despite the no-smoking ruling being enforced at all eateries and restaurants nationwide since Jan 1, 2019, 77.6% of those aged 15 and above claim they were exposed to secondhand smoke in such places.

This is according to the Global Adults Tobacco Survey Malaysia 2023, which involved 5,780 households nationwide.

"Another 29.2% said they were exposed to secondhand smoke in government buildings, 19% on public transport and 18.6% in healthcare facilities."

Universiti Kebangsaan Malaysia Public Health Medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said there is no difference between what smokers inhale and those inhaling their secondhand smoke.

"The US National Cancer Institute has identified more than 7,000 chemicals in secondhand tobacco smoke and at least 69 of these chemicals are known to cause cancer.

"While Malaysia has smoking cessation strategies, they face significant challenges due to the widespread availability of illicit cigarettes and use of vape products by the underage."

Sharifa said both these issues encourage youth to experiment with tobacco and vape, ultimately developing an addiction to them and disrupting government efforts to stamp out such habits.

"Effective regulations and enforcement are crucial to address the problem. Promoting the proper use of alternative nicotine products can help reduce the tobacco epidemic."

Sharifa said it is a known fact that secondhand smoke poses serious risks to vulnerable individuals, including pregnant women, infants, the elderly and those with pre-existing health conditions.



Jawahar said although some customers support the smoking ban in eateries, others have threatened to harm workers who confront them. – ADIB RAWI YAHYA/THESUN

"It can result in babies being born underweight and having developmental problems. There is also a 23% increased risk of stillbirth and 13% higher risk of congenital malformations."

Sharifa said the New Policy Outline 2021 by the World Health Organisation reported secondhand smoke killed around 1.2 million people annually, of which 65,000 were premature and preventable deaths among children and adolescents under 15 years.

She said exposure to secondhand smoke leads to tobacco-related diseases (TRD) and contributes to the development of non-communicable diseases such as heart disease, cancer or chronic respiratory disease.

"The government spends millions annually treating TRD in Malaysia. Most smokers come from the B40 and middle-income groups, which worsens their socioeconomic and health issues. There is no safe level of exposure to secondhand smoke. Since the 1960s, about 2.5 million individuals who did not smoke died from health problems caused by exposure to secondhand smoke."

Meanwhile, the Malaysian Muslim Restaurant

Owners Association said it is concerned about secondhand smoke and supports the government decision to enforce smoking bans in restaurants.

"While some customers support it, others become aggressive and threaten to throw hot tea on the faces of our workers when confronted about their smoking," said its president Datuk Jawahar Ali Taib Khan.

Its vice-president Abdul Mukhtahir Mohd Ibrahim said continuous education on the dangers of smoking is needed as some individuals are not adhering to the smoking ban in restaurants.

"During our meetings with the government, we have emphasised Malaysia is a democratic country, in which the rights of smokers should also be respected. We even proposed the creation of designated ventilated smoking areas within our premises as a temporary solution, which would be eliminated over time, and to increase the distance between smoking and non-smoking areas."

He said educating the public about smoking will make them aware of the impact of their actions and the risk of secondhand smoke.